

21/01/2002

Indera Kayangan buktikan perjuangan Keadilan sia-sia

Norbakti Alias

KASET yang memperdengarkan bacaan talkin kira-kira jam 7 malam kelmarin menceritakan kesuraman kem Parti Keadilan Nasional (Keadilan), sejam setengah sebelum keputusan rasmi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan diumumkan.

Menang sorak yang sering mengiringi mereka dalam setiap kali ceramah sepanjang sembilan hari tempoh berkempen, secara tiba-tiba tidak lagi kedengaran.

Apa yang ada cuma beberapa kumpulan kecil orang berkumpul melakukan 'bedah siasat' memikirkan perjuangan yang tidak diterima rakyat Perlis, khususnya di Indera Kayangan.

Keyakinan menang sebelum ditukar kepada mengurangkan majoriti Barisan Nasional (BN), sekadar menggambarkan keperitan Keadilan berikutan ketiadaan isu kuat serta calon mantap pada pilihan raya kecil itu.

Dalam pengundian pilihan raya kecil itu, calon BN Oui Ah Lan mengalahkan calon Keadilan, Khoo Yang Chong dengan kelebihan 2,592 undi berbanding kelebihan 1,974 undi yang diperolehi BN pada pilihan raya umum 1999.

Oui, 58, yang juga Ketua Wanita MCA Perlis, memperolehi 4,279 undi, manakala Khoo, 60, seorang bekas guru, mendapat 1,687 undi. Pada pilihan raya umum lalu, kerusi itu dimenangi calon BN, Datuk Khor Liang Tee, yang meninggal dunia Disember lalu kerana sakit barah.

Apa yang nyata, kemenangan besar BN itu membuktikan rakyat menolak pembangkang dan mereka yang dulunya menyokong parti itu, kini sedar dan kembali ke pangkuan BN.

Keyakinan rakyat terhadap BN dengan meraih hampir tiga kali ganda undi yang diberi kepada Keadilan adalah petanda baik kepada kerajaan dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin bahawa kemenangan dengan majoriti bertambah itu lebih meyakinkan BN untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, sekarang ini nampak kesedaran di kalangan rakyat untuk kembali menyokong BN sebagai parti yang boleh mendatangkan faedah.

"Rakyat sedar mereka tidak harus membazir undi kerana rasa marah terhadap sesuatu tanpa sebab.

"Rakyat berfikiran matang dan kembali menyokong BN sebagai parti yang boleh memberi layanan kepada mereka dan menunaikan janjinya.

"Sekarang ini adalah politik mengenai kehidupan bahagia. Bagi rakyat, yang penting adalah pembangunan negara, keamanan, bukan hendak main isu orang itu kena aniaya," katanya.

Perkara lain yang nyata pada pilihan raya itu ialah keyakinan orang ramai terhadap Keadilan semakin merosot dengan ramai ahlinya yang mula menyedari perjuangan mereka selama ini sia-sia - bukan untuk kepentingan parti, sebaliknya perjuangan untuk kepentingan orang tertentu.

Penyertaan mereka sebagai ahli mana-mana parti komponen BN membuktikan hanya BN yang dapat memberikan mereka kebahagiaan dan bukannya Keadilan yang penuh dengan janji kosong.

Dalam keadaan begini pun, pembangkang tetap tidak mahu mengaku kalah dan menuduh BN dengan pelbagai dakwaan berikutan kekalahan mereka.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, walaupun akur dengan kemenangan BN, berkata kejayaan itu bukan bermakna pengundi menerima dasar kerajaan BN.

Sebaliknya Menteri Besar Kelantan itu mendakwa BN melakukan budaya samseng dan menakutkan pengundi daripada memilih calon Keadilan.

Namun, siapakah sebenarnya yang cuba menakut-nakutkan pengundi dengan sentimen perkauman, isu sensitif dan tidak bermoral serta menyerang peribadi orang lain? Sebelum kempen bermula lagi, pembangkang menyerang peribadi Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim. Pembangkang dengan tidak mengerti kedukaan orang lain, mengaitkan kematian anak Shahidan sebagai balasan Tuhan atas perbuatannya, hingga ramai pendengar yang menggeleng kepala.

Pembangkang dalam kempenya turut menggunakan sentimen perkauman dengan membawa isu penutupan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Jalan Damansara, Kuala Lumpur untuk kepentingan mereka.

Selain itu, pembangkang cuba mengapi-apikan sentimen perkauman dengan tampil dengan poster menunjukkan Naib Ketua Pemuda, Datuk Aziz Sheikh Fadzir 'bertekak' di luar Dewan Perhimpunan Cina, Kuala Lumpur.

Tujuan utama mereka memainkan isu lapuk ini bagi meraih simpati pengundi Cina. Ini adalah antara lain taktik kotor pembangkang dalam kempen mereka.

Biarpun ada peningkatan undi kepada pembangkang di kawasan pengundi majoriti Cina di kawasan Pekan Lama Kangar, Pekan Baru, Kangar dan Pengkalan Assam, namun ia masih tidak cukup mengatasi undi yang turut bertambah buat BN di situ.

Pembangkang sekadar mencatat peningkatan 89 undi di tiga kawasan itu berbanding 862 undi yang diperoleh pada pilihan raya umum 1999, sedangkan BN mencatat 2,090 undi, peningkatan 264 undi.

Bagaimanapun, pembangkang jelas terperangkap dengan faktor undi Cina yang dikatakan menjadi penentuan di Indera Kayangan hingga gagal memberi tumpuan di kubu kuat mereka, khususnya yang dikuasai Pas di kawasan Seberang Bakau yang majoriti pengundinya adalah Melayu.

Dengan bantuan jentera Umno, kubu kuat Pas selama ini robek. 'Sentuhan Puteri' berjaya menghalang usaha kempen pembangkang di kawasan itu.

Di Seberang Bakau, BN memperoleh 611 undi berbanding 415 undi pada 1999, sementara Keadilan pula sekadar mendapat 363 undi daripada 487 pada pilihan raya umum lalu.

Strategi Umno khususnya, Puteri Umno yang menjadi 'anak angkat' kepada keluarga penduduk di sana berjaya menyekat pengaruh Pas dan ini turut diakui oleh Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Mat Isa.

"Pas sukar menjalankan kempen di Seberang Bakau kerana terlalu banyak halangan yang dihadapi petugas kami.

"Halangan itu bukan setakat laluan yang mahu kami ikuti, malah ketika berkempen dari rumah ke rumah. Inilah strategi pilihan raya BN," katanya.

Tiada siapa yang dapat menafikan sumbangan jentera Puteri Umno ini yang cukup memberi kesan besar.

Sayap baru dalam Umno inilah yang menghalang petugas jentera pembangkang untuk berkempen dengan keluar bersemuka dengan mereka tanpa memberi ruang berjumpa tuan rumah yang menjadi keluarga angkat mereka.

Kesannya, mesej yang cuba disampaikan tidak diterima oleh golongan sasar.

Selain itu, kegagalan Naib Presiden Keadilan, Azmin Ali mengotakan janjinya mendedahkan dokumen daripada 'kotak rahsia' yang dimilikinya, turut dilihat menjadi penyumbang kepada kegagalan memikat 3,781 pengundi Melayu iaitu 47.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi di Indera Kayangan.

Malah, ramai yang meninggalkan ceramah Azmin dengan seribu satu persoalan teka-teki.

Beliau, walaupun mendakwa sudah mendedahkan apa yang dianggapnya penyalahgunaan kuasa oleh Shahidan, ia sebenarnya lebih menimbulkan persoalan.

Daripada kes yang didakwanya adalah dari kotak rahsia berkenaan, kebanyakannya jelas sesuatu yang baru diketahui atau sesuatu yang berlaku selepas peristiwa Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Ia jelas tidak menepati apa yang disangka oleh orang ramai kononnya kotak itu merangkumi rahsia salah guna kuasa oleh pihak tertentu ketika Anwar menjadi Menteri Kewangan.

Tidak dinafikan kemenangan BN ini turut boleh dikaitkan dengan faktor mendiang Khor sendiri. Ini kerana sejak berdepan masalah serius akibat barah ususnya, BN sebenarnya sudah diberi petanda untuk memulakan strategi mereka.

Jadi, apabila Khor meninggal dunia di Hospital Gleneagles di Kuala Lumpur pada 19 Disember lalu, jentera pilihan raya BN sebenarnya sudah cukup bersedia.

Malah, sejak dua bulan sebelum kematian Khor, desas-desus pilihan raya kecil Indera Kayangan sudah mula didengar di kedai kopi di kawasan berkeluasan 20 kilometer persegi yang mempunyai 7,976 pengundi berdaftar.

Kemenangan di Indera Kayangan tidak bermakna BN boleh berpuas hati dan lega sehingga pilihan raya umum akan datang atau pilihan raya kecil yang lain. Banyak kerja dan urusan yang perlu diselesaikan untuk kesejahteraan rakyat.

Pembangking tidak akan duduk diam dengan kekalahan ini. Pembangking, khususnya Keadilan juga sedang memikirkan apakah tindakan lanjut untuk memastikan mereka diterima rakyat dan terus hidup sebagai parti politik.

Bak kata Dr Mahthir, kelmarin ketika mengulas kemenangan BN, bahawa BN tidak akan bersikap terlalu yakin, kerana menjelang pilihan raya umum nanti, pembangking mungkin berusaha melakukan sesuatu bagi meraih simpati.

"Kita tidak bolehlah yakin kerana mungkin ada satu peristiwa yang dicetuskan oleh parti lawan untuk meraih simpati," katanya.

(END)